

**Belanjawan 2013 Dijangka Tumpu Usaha Ke Arah Membawa Kemakmuran -  
Penganalisis Ekonomi  
Bernama  
7 September, 2012**

KUALA LUMPUR, 7 Sept (Bernama) -- Seorang penganalisis ekonomi meramalkan Belanjawan 2013 yang bakal dibentangkan di Parlimen hujung bulan ini akan menumpukan kepada usaha pengagihan pendapatan seimbang ke arah membawa kemakmuran terutama kepada masyarakat berpendapatan rendah.

Profesor Dr Barjoyai Bardai berkata cabaran paling utama setiap kali kerajaan merangka belanjawan negara adalah untuk mengimbangi antara pendapatan dan perbelanjaan negara agar ia menjadi satu pelan kewangan yang produktif.

Barjoyai yang juga merupakan Pengarah Bersekutu Akademik dan Program Global MBA, Universiti Tun Abdul Razak berkata ketika ini kerajaan sudah pun mempunyai perancangan untuk mengurangkan defisit belanjawan tetapi ia perlu dilakukan secara beransur-ansur.

"Kerajaan berdepan dengan sekatan yang mana di satu pihak matlamatnya perlulah untuk mengurangkan perbelanjaan, sementara di satu pihak lagi perlu memastikan belanjawan menjadi sesuatu yang boleh memberi manfaat kepada semua golongan," katanya semasa temu bual program 'Dalam Radar', terbitan Bernama Radio24, menjelang pembentangan Belanjawan 2013 oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak pada 28 Sept.

Katanya beberapa insentif, kemudahan serta bantuan yang ditawarkan kepada masyarakat sebelum ini dijangka diteruskan dalam belanjawan kali ini bagi menggambarkan bahawa apa yang dimulakan itu merupakan suatu yang serius dan bukan dilakukan sekali sahaja.

Beliau juga yakin kerajaan mampu mengimbangi antara kemampuan negara dan juga tumpuan terhadap pengagihan kemakmuran rakyat selain memastikan matlamat untuk mencapai negara maju menjelang 2020, walaupun ketika negara berdepan dengan cabaran ekonomi dunia.

"Berasaskan kepada unjuran dan program yang dilaksanakan di sektor yang difokuskan, selain kemasukan pelaburan asing, matlamat bagi mencapai pendapatan perkapita AS\$15,000 (RM49,000) setahun menjelang 2020 mampu dicapai dalam jangka masa yang ditetapkan," katanya.

Barjoyai berkata pengagihan pendapatan perlu menjadi matlamat bersama bagi mencapai pendapatan perkapita negara yang tinggi kerana ia merupakan pendapatan purata dan kajian menunjukkan 4,000 syarikat di Malaysia menguasai lebih daripada 95 peratus pendapatan dan kekayaan negara.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=692866>